



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***CABARAN PENERBITAN RANCANGAN TELEVISYEN DI MALAYSIA
DALAM MENGAPLIKASIKAN MEDIA BARU***

MOHD FARIZI JAMALUDDIN

FBMK 2013 63



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**CABARAN PENERBITAN RANCANGAN TELEVISYEN DI MALAYSIA
DALAM MENGAPLIKASIKAN MEDIA BARU**

Oleh

MOHD FARIZI BIN JAMALUDDIN

**Tesis ini telah dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai keperluan untuk ijazah Master Sains.**

November 2013

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Univeristi Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**CABARAN PENERBITAN RANCANGAN TELEVISYEN DI MALAYSIA
DALAM MENGAPLIKASIKAN MEDIA BARU**

Oleh

MOHD FARIZI BIN JAMALUDDIN

November 2013

Penyelia : Megat Al Imran Yasin, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Konsep pendigitalan televisyen telah memperlihatkan akan wujudnya inovasi media baru yang mengubah lanskap televisyen masa kini. Perubahan-perubahan ini adalah disebabkan oleh inovasi yang terhasil daripada konsep pendigitalan yang ternyata memberi kesan dan cabaran kepada pemain-pemain pasaran industri penyiaran televisyen di negara ini. Perkembangan teknologi dan jalur lebar masa kini dikatakan mampu merangsang pertumbuhan media baru yang menjadikan televisyen masa kini bukan sekadar televisyen biasa, tetapi lebih daripada itu. Kewujudan kepelbagaian *convergence* melalui penggabungan pelbagai jenis media menjadikan konsep pendigitalan sebagai salah satu yang harus dilakukan dalam menuju status negara maju.

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti cabaran inovasi media baru terhadap penerbitan rancangan televisyen di Malaysia. Oleh itu penyelidik telah menggariskan beberapa objektif kajian untuk dicapai di akhir kajian ini nanti. Antara objektif tersebut ialah; (i) Mengenalpasti ciri-ciri yang mempengaruhi syarikat penerbitan terhadap penerimaan media baru; (ii) Mengenalpasti strategi dan amalan stesen televisyen tempatan dalam menghadapi cabaran inovasi media baru; (iii) Mengenalpasti persediaan syarikat produksi menghadapi cabaran inovasi media baru.

Dengan menggunakan teori *Difussion of Innovation* yang diperkenalkan oleh (Roger 2003), penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual secara mendalam terhadap beberapa orang informan melibatkan pemain-pemain di dalam pasaran, seperti stesen televisyen, syarikat produksi dan beberapa buah syarikat media baru bagi mencapai objektif kajian yang diinginkan oleh penyelidik.

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan syarikat penerbitan tempatan di negara ini mempunyai cabaran-cabaran yang terpaksa diharungi menjelang era penyiaran televisyen digital ini. Cabaran-cabaran tersebut mempunyai perkaitan antara syarikat-syarikat penerbitan rancangan televisyen yang memerlukan satu usaha sama bersepadu bagi menghadapi migrasi era pendigitalan tersebut. Hasil temubual yang dijalankan mendapati ciri-ciri media baru ternyata mempengaruhi penerbitan rancangan televisyen di Malaysia. Cabaran-cabaran seperti penetapan dasar oleh kerajaan perlu diputuskan segera dalam membantu syarikat penerbitan tempatan untuk lebih bersedia untuk menjalankan proses migrasi seperti yang diinginkan oleh kerajaan. Cabaran melibatkan isu-isu lama seperti hak pembayaran, royalty dan sebagainya perlu diputuskan oleh kerajaan dalam membantu syarikat penerbitan tempatan ini.

Penyelidik juga mendapati strategi dan amalan stesen televisyen di negara ini turut berubah dengan wujudnya inovasi media baru di negara ini. Strategi yang dilaksanakan oleh stesen televisyen ini telah dijalankan dengan komprehensif bagi memastikan masyarakat massa turut menerima inovasi media baru yang dirangka oleh pihak stesen televisyen. Cabaran-cabaran seperti perbelanjaan besar dalam menampung kos operasi, saingan dari syarikat penerbitan media baru sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada stesen televisyen untuk terus kekal bersaing di dalam industri. Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati inovasi media baru memberi kesan positif kepada pihak stesen televisyen terutama dalam proses penjanaan pendapatan terutama melibatkan stesen televisyen swasta. Kelebihan-kelebihan yang wujud ini telah digunakan sepenuhnya oleh stesen televisyen dalam memanfaatkan setiap peluang yang ada. Cabaran seperti aspek latihan dan penyelenggara teknologi media baru ini yang harus diberi penekanan oleh setiap stesen televisyen di negara ini.

Hasil kajian juga mendapati tahap penerimaan syarikat-syarikat produksi terhadap inovasi media baru di negara ini juga masih diperingkat pemujukan. Keraguan penerbit yang mahukan isu-isu konvensional diselesaikan terlebih dahulu oleh kerajaan sebelum keputusan penerimaan ledakan inovasi media baru di dalam industri penyiaran televisyen di negara ini dilaksanakan. Cabaran seperti perubahan teknologi yang pantas memerlukan syarikat produksi di negara ini perlu cekap dalam menguruskan perbelanjaan mengikut keperluan sesebuah produksi. Selain itu, cabaran yang terpaksa dihadapi oleh syarikat produksi ialah keperluan untuk menyesuaikan setiap aplikasi media baru yang ada dengan dibantu oleh syarikat penerbitan aplikasi kandungan perlu dilaksanakan supaya setiap kelebihan yang wujud tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh syarikat produksi ini.

Secara keseluruhannya, penyelidik berpendapat kemunculan inovasi media baru telah memberi kesan terhadap penerbitan rancangan televisyen di negara ini. Cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pemain-pemain industri di negara ini telah mengubah amalan dan strategi yang telah di amalkan sebelum ini seiring dengan inovasi yang berlaku terhadap media komunikasi tersebut. Cabaran-cabaran inovasi ini memperlihatkan pemain-pemain industri perlu bersedia menghadapi era pendigitalan sepertimana yang dimahukan oleh kerajaan dalam menuju status negara maju.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree Master of Science

**MALAYSIAN TELEVISION PRODUCTION CHALLENGES IN THE
APPLICATION OF THE NEW MEDIA**

By

MOHD FARIZI BIN JAMALUDDIN

November 2013

Supervisor : Megat Al Imran Yasin, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The concept of shifting to the full digitalization of television provides is evidence of the latest innovation in media technology that is changing the current television landscape. These changes result from the innovation brought forth by the concept of digitalization, which clearly presents challenges to players in our local television broadcasting industry. The current advancements in media and broadband technology are capable of stimulating the growth of new media, which has made today's television more than just a television. The convergence of various types of media has made the concept of digitalization a must in the effort to attain developed country status.

This study investigates and aims to determine the challenges of Malaysian television production in the application of new media. As such, the researchers have underlined several objectives to guide the research process. Among the objectives are to; (i) Identify the characteristics that influence media acceptance among production companies; (ii) Identify the strategies and practices of local television stations in addressing the challenges of new media innovations; (iii) Identify the preparedness of production companies in facing the challenge of new media innovations.

Employing the Diffusion of Innovations Theory introduced by Rogers (1995), the researches undertook a qualitative approach to achieve the objectives of study by conducting in-depth interviews with several respondents/informants from industry players such as production companies and several new media companies.

The results of the study indicate that most local production companies are facing many challenges in preparing to welcome the dawn of the digital broadcast era. These challenges mutually affect the companies involved in the production of television

programs and require an integrated effort to effectively address the migration to the digital era. The result of the interviews found that the production of television programs in Malaysia is clearly affected the characteristics and features of new media. Challenges arisen as the establishment of policies by the Government should be resolve instantly to help local publishing companies to be prepared in organizing the process of migration as being demanded by the Government. Challenges involving issues as the payment privileges, royalties and such, need to be concluded by the Government in order to help these local publishing companies.

The researcher(s) also found that the strategies and practices of local television stations have changed with the existence of the new media innovation in the country. The current strategies were executed comprehensively to ensure that society members accepted the new media innovation that has been devised by the television stations. Challenges as spending huge value in supporting the operation cost, likewise the competition from other new media publishing companies, has also somewhat affected the television stations to remain competitive in the industry. However, the results of the study also indicate this new media innovation positively impacts television stations, especially with regards to the generation of income. This is even more apparent in privately owned television stations. These existing advantages have been fully utilized by television stations in order to make wise all the opportunities given. As well as training aspects and the maintenance of the new media technology, have to be emphasis more by every television stations in the country.

This study also found that the process of acceptance with regards to the new media innovation in the country is still in the early stages with production companies still being persuaded to accept the new media. This is mainly due to the doubt among producers who want other conventional issues to be resolved by the government before embracing the new media innovation in the local television broadcasting industry. Correspondingly, as the movement of technology has changed rapidly and urged the production companies in the country to be more efficient in managing expenses based on the needs of a production itself. Moreover, other challenges that have to be encountered by the production companies are the need to adapt every existing new media applications with the help of the publishing companies. Likewise, the content of the applications have to be executed so that it could be beneficial and fully utilized by the production company.

Overall, the researcher(s) found that the emergence of the new media innovation affects the production of television programs in the country. The practices and strategies of industry players in the country have also changed in accordance with the challenges faced by them, in line with the innovations to the related communication media. These challenges indicate that industry players should be prepared to usher the dawn of the digital era, as stipulated by the government in its pursuit to achieve developed country status.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi di atas limpah kurniaNya, saya telah diberi kekuatan dan semangat bagi menyiapkan tesis saya ini. Jutaan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Megat Al Imran Yasin kerana telah banyak membantu saya dalam menyumbangkan idea serta nasihat yang membina dan sudi meluangkan masa untuk menyempurnakan disertasi ini tanpa rasa jemu. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli komiti iaitu Dr. Sham Muhammad Shakat Ali dalam menyumbang idea dan nasihat dalam membantu menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga terutamanya ayah saya En.Jamaluddin Idris dan ibu Rabiah binti Ahmad kerana telah memberi sokongan dan dorongan kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini tanpa rasa jemu.

Disamping itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Putra Malaysia kerana sudi menaja pengajian saya melalui biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB), tanpa tajaan dan kewangan yang cukup ini tidak mungkin saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Akhir sekali, ingin saya ucapkan terima kasih kepada kesemua informan yang sudi mengambil bahagian dan sudi ditemubual dalam menyempurnakan tesis yang penuh mencabar ini. Jasa, budi baik dan pengorbananan dari semua hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 November 2013 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Farizi bin Jamaluddin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Cabaran Penerbitan Rancangan Televisyen di Malaysia dalam Mengaplikasikan Media Baru” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Hamisah Zaharah binti Hasan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Nizam bin Osman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Siti Zobidah binti Omar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Abu Hassan bin Hasbullah, PhD

Profesor
University Malaysia Kelantan
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 September 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah **Master Sains**. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Megat Al Imran Yasin, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Muhammad Sham Shahkat Ali, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Professor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini telah adalah hak milik Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No.Matrik: Mohd Farizi Bin Jamaluddin GS22628

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakuakn bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah dibawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Senarai pembekal perkhidmatan kandungan (CASP)	16
2	Cabaran Inovasi Media baru Terhadap Penerbitan Rancangan Televisyen di Malaysia	45
3	Kaedah Proses Penjanaan Data	58
4	Cabaran Penerbitan Kandungan Televisyen di Malaysia dalam Mengaplikasi Media baru	121

SENARAI SINGKATAN

4G	- Teknologi mudah alih generasi keempat
ADSL	- perkhidmatan Talian Pelanggan Digital Assymmetric
ADEX	- Advertising Expenditure (Perbelanjaan Periklanan)
BBC	- British Broadcasting Corporation
CASP Kandungan)	- Content Applications Service Provider (Syarikat Pembekal Aplikasi
CBC	- Canadian Broadcasting Corporation
CBS	- Colombia Broadcasting System (Sistem Penyiaran Colombia)
CCI	- Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur
CCTV	- China Central Television
DTV	- Penyiaran Televisyen Digital
DVD	- optical disc storage
EPP	- Projek Permulaan
FINAS	- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional
HD	- Definisi Tinggi
HDTV	- Televisyen Berdefinisi Tinggi
ICT	- Teknologi Komunikasi Maklumat
IPTV	- Televisyen Protokol Internet
KDNK	- Kadar Dalam Negara Kasar
KPKK	- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
Mbps	- Megabyte Per Second
MDEC	- Perbadanan Pembangunan Multimedia
MEASAT	- Malaysian East Satelite System
MHP	- Multimedia Home Platform
MP3	- MPEG Audio Layer III
MRCB	- Malaysia Resources Cooperation Berhad

MSC	- Multimedia Super Koridor
MUTV	- Manchester United TV
NHK	- Hippon Hoso Kuyokai
NTSC	- Kesatuan Sistem Televisyen Nasional
PAL	- Phase Alternating Line
PDA	- alat pembantu digital
PNK	- Pendapatan Negara Kasar
PTVM	- Persatuan Penerbit Program TV Malaysia
RTM	- Radio Televisyen Malaysia
SKMM	- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia
SMS	- Sistem Pesanan Ringkas
UK	- United Kingdom
US	- United State
VOD	- video-atas-permintaan
VoIP	- panggilan suara melalui internet protocol

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB

1	Pengenalan	
	1.1 Latarbelakang kajian	1
	1.2 Penyataan Masalah	6
	1.3 Persoalan Kajian	9
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.4.1 Objektif Umum	10
	1.4.2 Objektif Khusus	10
	1.5 Kepentingan Kajian	10
	1.6.1 Praktikal	10
	1.6.2 Teori	11
	1.6 Skop Kajian	12
	1.7 Definisi Operational	12
	1.7.1 Cabaran	13
	1.7.2 Penerbitan Rancangan Televisyen	15
	1.7.3 Inovasi Media Baru	17
2	Sorotan Literatur	
	2.1 Televisyen di Malaysia	19
	2.1.1 Latarbelakang Televisyen di Malaysia	19
	2.1.2 Dasar Penswastaaan	20
	2.1.3 Dasar Industri Kreatif	22
	2.2 Cabaran Media BARU dalam Era Penyiaran Televisyen Digital	23
	2.2.1 HDTV	26
	2.2.2 VOD	27
	2.2.3 IPTV	28
	2.2.4 TV Mudah alih	29
	2.2.5 Portal TV	31
	2.3 Cabaran Migrasi Televisyen Digital Global	33
	2.3.1 Jepun	33
	2.3.2 Eropah	34
	2.3.3 Amerika Syarikat	35
	2.4 Revolusi Televisyen Internet di Malaysia	36

2.4.1 Telekom Malaysia Berhad (Unifi)	36
2.4.2 MiTV	37
2.4.3 Fine TV dan Santai TV	37
2.5 Peranan MDeC dalam Industri Kandungan di Malaysia	38
2.6 Cabaran Syarikat Produksi di Malaysia	39
2.7 Teori-teori Berkaitan	42
2.7.1 Teori Penyebaran dan Inovasi	42
2.8 Kerangka Konsep	45
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 RekaBentuk Kajian	54
3.2 Persampelan	55
3.3 Instrumen Kajian	55
3.4 Kerahsian (Anonymity) dan Lokasi Kajian	56
3.5 Prosuder Pengumpulan Data	57
3.5.1 Temubual Secara Bersemuka	58
3.5.2 Membangunkan Set Soalan Temubual	59
3.6 Keesahan dan Kebolehpercayaan	59
3.6.1 Pra Uji Kajian	60
3.7 Rappo dan Kontak	60
3.8 Penganalisan Data	62
3.8.1 Analisis Bertema dan Perbandingan Konstan	62
3.8.2 Pengkodan Data	64
4 HASIL KAJIAN	
4.1 Ciri-ciri yang Mempengaruhi Syarikat Penerbitan Tempatan Terhadap Penerimaan Inovasi Media Baru	66
4.1.1 Kemudahan Relatif	66
4.1.2 Kesesuaian	68
4.1.3 Kesukaran	70
4.1.4 Percubaan	73
4.1.5 Pemerhatian	75
4.1.6 Kesimpulan	76
4.2 Strategi dan Amalan Stesen Televisyen dalam Menghadapi Cabaran Inovasi Media Baru	77
4.2.1 Persediaan Stesen TV	77
4.2.2 Penerimaan / Sambutan terhadap Eksperimen	84
4.2.3 Sistem Sokongan Era Digital	90
4.2.4 Kesimpulan	93
4.3 Persediaan Syarikat Produksi dalam Menghadapi Cabaran Inovasi Media Baru	94
4.3.1 Kemunculan Pengetahuan	94
4.3.2 Pemujukan	98
4.3.3 Pembuatan Keputusan	103
4.3.4 Perlaksanaan	105
4.3.5 Kesimpulan	108

5	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	5.1 Ringkasan Kajian	110
	5.2 Kesimpulan dan Cadangan	119
	5.3 Implikasi Teori	121
	5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	124
	RUJUKAN	125
	APPENDIKS	141
	BIODATA PELAJAR	145
	SENARAI PENERBITAN	146



BAB 1

PENGENALAN

Bab ini mengandungi latarbelakang mengenai kajian yang dibuat, pernyataan masalah, objektif kajian ini dilakukan, kepentingan kajian ini berkenaan cabaran penerbitan rancangan televisyen di Malaysia dalam mengaplikasikan media baru dan limitasi kajian.

1.1 Latarbelakang Kajian

Cabaran era masa kini memperlihatkan dunia digital menguasai dari segenap sudut. Peralatan teknologi komunikasi sentiasa berkembang hingga memerlukan setiap khalayak dan pengikutnya bergerak seiring dengan perubahan teknologi masa kini. Teknologi juga membantu mengtransformasikan masyarakat daripada masyarakat lama kepada masyarakat baru, akan tetapi penerimaan masyarakat terhadap teknologi ini agak berlawanan bagi negara-negara dunia ketiga dan banyak diperdebatkan (Juliana, 2006). Di Eropah selepas revolusi industri, kepantasan media percetakan sebagai media komunikasi ketika itu adalah lebih mendapat perhatian berbanding penyiaran radio dan visual (sinema) sehinggalah televisyen diperkenalkan dan menjadi antara media komunikasi paling berkuasa dalam menyampaikan maklumat (Feather, 2000). Media dengan kombinasi pergerakan, warna dan suara dalam banyak perkara dapat mendramatiskan idea lebih baik dari setengah media yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Radio, televisyen, surat khabar dan majalah adalah media massa yang penting dalam mencorak hidup manusia sama ada orang dewasa ataupun kanak-kanak (Saodah Wok, Narimah Ismail, Mohd Yusof Hussain, 2005). Bermula dengan era penyiaran televisyen hitam putih hingga kepada pengenalan televisyen berwarna pada tahun 1960, industri penyiaran televisyen terus berkembang dan menjadi perantara komunikasi yang paling berjaya dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak.

Sejak 1945 media penyiaran telah menjadi perantara yang popular untuk hiburan dan juga berita. Media penyiaran bukan sahaja menjadi bahan penyampai maklumat malah sebagai satu sumber hiburan yang diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat, (Deane, Dixit, Mue, Banda & Waisbord, 2002). Hampir setiap rumah mempunyai sekurang-kurangnya satu saluran media penyiaran. Ini bukan hanya terhad kepada rumah, tempat bekerja, tempat umum malah kenderaan persendirian dan umum mempunyai alat penyiaran yang semakin hari semakin canggih. Menurut Juliana (2006), globalisasi merupakan penyebab utama yang menyumbang kepada pembangunan teknologi komunikasi, dibantu dengan kerjasama oleh pemain-pemain pasaran yang seakan

membenarkan produk dan perkhidmatan teknologi komunikasi ini berubah di seluruh dunia. Pemain-pemain pasaran ini antara lain merupakan penyumbang terbesar kepada proses perubahan teknologi ini. Pencipta inovasi teknologi seperti pengeluar, pembekal perkhidmatan jalur lebar dan pereka peranti telekomunikasi antara pencetus kepada revolusi teknologi baru ini. Kesannya sudah pasti bukan sahaja kepada pengguna tetapi kepada pembekal kandungan televisyen, stesen televisyen dan medium-medium konvensional lain. Revolusi teknologi baru ini telah membawa kepada kewujudan pelbagai media baru yang membuka lebih banyak inovasi kepada pemain-pemain pasaran. Contohnya seperti IPTV, VOD, web tv, TV mudah alih yang membuka lebih banyak peluang kepada pengguna dalam mendapatkan maklumat melalui kepelbagaian sumber. Kepelbagaian ini seiring dengan kepentingan televisyen sebagai salah sebuah medium untuk menyampaikan maklumat, media ini tidak terlepas dari menerima ledakan era pendigitalan. Malah boleh dikatakan sebelum adanya televisyen digital ianya telah dapat dibayangkan akan kewujudannya (Christensen, 2002). Era digital ini telah memberi kesan kepada industri penyiaran televisyen hingga membawa kepada teretusnya revolusi yang dikenali sebagai penyiaran televisyen digital (DTV). Pengenalan teknologi digital televisyen ini memberi lembaran baru kepada penonton untuk menikmati kelainan melalui saluran-saluran yang pelbagai dalam mendapatkan maklumat dan sumber hiburan dalam kehidupan sehari-harian mereka.

Menurut Brinkley (1997), pembuat polisi menggambarkan peralihan sistem analog kepada sistem digital merupakan transformasi terbesar dalam media sejak Amerika Utara beralih kepada standard NTSC televisyen berwarna. Menurut Castaneda, (2007) peralihan kepada sistem televisyen digital digambarkan seperti dapat memasuki ke alam syurga. Semua orang mahu dan inginkannya, tetapi tidak melakukan apa yang perlu dan berkorban untuk mendapatkannya. Ternyata peralihan sistem televisyen digital ini memberi banyak kelebihan kepada pengguna untuk menikmati kepuasan menonton seperti mana yang diinginkan. (Burrus & Gittines, 1994), di dalam bukunya yang bertajuk Technotrends, meramalkan bahawa kedatangan abad ke-21 ini akan dipengaruhi oleh keupayaan manusia meneroka, membangun dan menggunakan serta memanipulasi sekurang-kurangnya 20 bentuk teknologi langsung secara optimum. Salah satu daripada teknologi yang dimaksudkan itu ialah teknologi digital elektronik. Teknologi televisyen digital merupakan salah satu ledakan baru dalam era dunia globalisasi masa kini. Mahu tidak mahu industri penyiaran televisyen perlu beralih arah dari sistem analog yang diguna pakai sebelum ini bagi memastikan perubahan teknologi ini seiring dengan kehendak pasaran dan seperti yang dimahukan khalayak.

Menurut Joel (2004), penyiaran digital menawarkan pelbagai kelebihan berbanding sistem analog. Antara kelebihan yang signifikan ialah, ia membenarkan penyiar menawarkan perkhidmatan televisyen berdefinisi tinggi, (HDTV). Melalui HDTV ia juga membolehkan penyiar menyiarkan program dengan resolusi yang lebih tajam, gambar yang jelas berbanding sistem analog. Televisyen digital juga menawarkan pelbagai faedah seperti terdapat pelbagai saluran televisyen, bantuan televisyen pada

skrin, perkhidmatan data interaktif, program pilihan yang lebih baik melalui skrin lebar dan persekitaran bunyi Dolby secara digital (The Star Online, 1 April 2009). Persekitaran DTV juga digunakan untuk menjalankan pelbagai tugas serta menghantar isyarat kandungan dengan menggunakan pelbagai saluran. Saluran yang wujud melalui lembaran jalur lebar seperti Televisyen Protokol Internet (IPTV), video-atas-permintaan (VOD) merupakan inovasi terbaru yang memberi cabaran kepada televisyen konvensional sedia ada. Saluran televisyen jalur lebar ini juga turut disokong oleh peranti mudah alih seperti telefon bimbit yang membolehkan pengguna mendapatkan perkhidmatan televisyen tidak kira di mana jua berada. Saluran-saluran baru yang wujud hasil dari gabungan pelbagai teknologi ini memberi lembaran baru kepada industri penyiaran televisyen apabila kebergantungan pemain-pemain pasaran sebelum ini terhadap televisyen kini beralih ke medium-medium lain untuk terus kekal bersaing di dalam pasaran. Melalui cara ini setiap kandungan rancangan dapat dijadualkan dengan lebih selesa dan mudah untuk ditonton.

DTV juga mempunyai maksud yang berbeza, bermula daripada penghantaran signal televisyen menggunakan transmisi digital hinggalah kepada format-format penyiaran digital yang lain, (Brown-Keyton, 2000). Format-format digital ini termasuklah televisyen berdefinisi tinggi (HDTV), video-atas-permintaan (VOD), web tv, saluran bertema, pengedaran kandungan rancangan melalui pelbagai saluran, televisyen jalur lebar, video melalui komputer peribadi, video interaktif dan kawalan kandungan melalui pelbagai saluran. Hasil gabungan pelbagai media komunikasi (*divergence*) ini telah memberi inspirasi kepada pengeluar untuk mencetuskan revolusi DTV. Menurut Lister (2003), menyatakan bahawa interaktif merujuk kepada hubungan yang kuat antara pengguna dengan kandungan media, ia lebih kepada hubungan yang lebih bebas antara sumber pengetahuan, penggunaan media secara individu dan kebijaksanaan pilihan pengguna. Menurut Steward (2001), *divergence* dalam erti kata lain melibatkan pelbagai medium komunikasi dalam menghantar isyarat televisyen menggunakan pelbagai peralatan seperti teresterial, kabel, satelit dan sistem komputer. Wujudnya pelbagai medium untuk menonton televisyen ini memberikan cabaran yang besar kepada industri penyiaran televisyen. Tanggapan oleh sesetengah pihak seperti pengeluar menyalahkan penyiar, penyiar menyalahkan industri komputer, industri komputer menyalahkan industri kabel, industri kabel menyalahkan pihak kerajaan, dan kerajaan menyalahkan kelemahan pasaran persaingan dan ketidakberkesanan polisi (Healey 2002).

Keadaan pasaran semasa dan keyakinan pengguna terhadap teknologi digital ini telah memberi tekanan kepada pembuat undang-undang dan kerajaan supaya memberi penekanan kepada revolusi DTV, (Healey, 2002). Bagi kerajaan dan industri, DTV menggambarkan era baru kepada produksi televisyen, pengedar dan pengguna, (Dreazen, 2002). Walau bagaimanapun, saranan transformasi analog ke penyiaran televisyen digital pada peringkat awalnya hampir gagal. Perubahan yang perlahan terhadap transformasi ini telah menimbulkan halangan yang tidak dijangka kepada pembuat, penyiar, industri dan pengguna, (Galperin, 2002). Halangan-halangan ini telah

memberi tekanan kepada industri dalam usaha untuk mencapai standard penyiaran digital seperti mana yang diinginkan oleh khalayak yang merupakan kumpulan pengguna sasaran kepada transmisi akhir penyiaran digital ini. Bagi kerajaan antara cabaran yang harus dihadapi apabila tercetusnya revolusi ini ialah dari segi penetapan polisi dan sokongan kepada pemain-pemain pasaran untuk memastikan migrasi revolusi ini menjadi realiti.

Penyiaran televisyen digital (DTV) telah dilaksanakan di negara-negara Eropah pada tahun 2004. Manakala di Amerika Syarikat, kerajaan menetapkan transformasi dari sistem analog kepada sistem digital sepenuhnya adalah pada tahun 2006. Dalam Persidangan Regional Radio Communication 2006 (RRC 06), Persatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) telah menetapkan satu pelan perancangan yang mana setiap ahli Geneva bersetuju menamatkan penggunaan sistem analog menjelang Jun 2015, (*Ministry of Information and Communication Technology, Republic of Uganda, 2009*). Dalam persidangan ini semua negara yang terlibat bersetuju menukar sistem penyiaran televisyen analog kepada sistem digital menjelang tarikh tersebut. Migrasi sistem analog-digital negara-negara utama di dunia ini memperlihatkan bahawa akan berkuburnya sistem analog dan merupakan bukti konsep pendigitalan televisyen semakin mendapat tempat di setiap genap pelusuk dunia. Bagi negara-negara Asia pula, Jepun merupakan antara pelopor kepada pembangunan teknologi digital di dunia. Jepun mula memperkenalkan teknologi televisyen berdefinisi tinggi pada tahun 1968 hingga kerajaan US dan negara-negara Eropah yang lain telah menggunakan kuasa veto mereka untuk menetapkan teknologi HDTV yang dimulakan oleh Jepun sebagai standard yang boleh diguna pakai di seluruh dunia, (Bayus, 1993). Di China pula, kerajaan telah merancang untuk menyiarkan sukan Olimpik Beijing 2008 dalam format digital, (International Olympic Committee, 2008). Ini membuktikan bahawa setiap negara-negara Asia telah mula beralih kepada teknologi digital dengan melaksanakan perancangan dan strategi bagi memastikan peralihan ini menjadi sesuatu yang realiti. Sudah tentu dalam proses melaksanakan migrasi ini pasti ada cabaran-cabaran yang telah dilalui oleh negara-negara ini mengikut polisi dan keadaan semasa industri mereka masing-masing.

Di Malaysia, lebih tiga dekad televisyen teresterial merupakan satu-satunya sistem yang digunakan untuk menghantar isyarat televisyen. Menjelang tahun 1995, televisyen berbayar pertama telah diperkenalkan menggunakan teknologi kabel optik. Seiring dengan perubahan teknologi masa kini, televisyen menggunakan isyarat satelit pula mula diperkenalkan pada tahun 1996 yang dikendalikan oleh ASTRO. Titik tolak bermulanya televisyen satelit ini apabila kerajaan ketika itu dibawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamed melancarkan sebuah mega projek yang dikenali sebagai Multimedia Super Koridor (MSC). Bermula dari itu telah berlakunya pertumbuhan dinamik di dalam bidang Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) dan melibatkan lebih 900 syarikat luar dari pelbagai negara. Fokus utama penubuhan MSC ini adalah untuk mempelbagaikan kemudahan multimedia dan komunikasi. ASTRO sebagai sebuah

televisyen satelit telah diamanahkan oleh kerajaan untuk menawarkan pelbagai program televisyen interaktif dan perkhidmatan multimedia termasuk video-atas-permintaan, permainan video, *chatting*, sistem pesanan ringkas (SMS), muat turun ikon yang mana ia tidak boleh didapati dalam pasaran televisyen sebelum ini. Sehubungan dengan itu juga Malaysia bakal melangkah setapak lagi apabila sedang menuju era pendigitalan, yang mana semua data diterjemahkan kepada nombor dan teknologi komputer. Pada Februari 2008, pertukaran dari sistem analog kepada sistem siaran digital menjelang 2012 telah dicadangkan oleh Menteri Penerangan ketika itu iaitu Datuk Ahmad Shabery Cheek. Cadangan ini juga merupakan salah satu inovasi terbaru dalam industri penyiaran televisyen di negara ini dalam menuju era penyiaran digital. Transformasi sistem digital ini akan berlaku pada Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang mana RTM bakal memiliki 20 saluran televisyen baru menjelang 2012. Melalui konsep pendigitalan ini, RTM bakal mempunyai slot 175,000 jam setahun meliputi berita, dokumentari, drama, hiburan dan sebagainya. Dengan wujudnya lebih banyak saluran televisyen ini ia mampu merangsang kewujudan syarikat-syarikat penerbitan tempatan bagi menerbitkan kandungan untuk mengisi kekosongan slot yang terdapat di dalam saluran tersebut. Melalui projek ini, ia juga mampu menawarkan lebih 53,000 peluang pekerjaan bagi menerbitkan kandungan siaran.

Perkembangan dan peralihan penyiaran televisyen digital turut disokong oleh perkembangan jalur lebar yang semakin menjadi perhatian masyarakat di negara ini. Pengenalan rangkaian kabel dan teknologi mudah alih generasi keempat (4G) telah menghasilkan cabaran yang berbeza di dalam pembangunan teknologi telekomunikasi pada masa akan datang. Perkembangan jalur lebar ini telah menyebabkan industri penyiaran televisyen negara ini mula berubah apabila wujud medium-medium baru yang turut berkolaborasi menghasilkan satu ekosistem yang luas. Ekosistem ini merangkumi sektor kandungan komunikasi dan infrastruktur (CCI) yang meliputi sektor pembangunan kandungan hinggalah kepada rangkaian, perkhidmatan dan peranti. Pada tahun 2009, sektor kandungan komunikasi ini telah menyumbang sebanyak RM22 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) melalui bidang telekomunikasi, TV dan penyiaran, serta pos dan kurier. Antara matlamat utama pembangunan sektor kandungan ini antara lain ialah meningkatkan sumbangan kepada PNK sebanyak tiga kali ganda daripada RM22 bilion pada tahun 2009, kepada RM57.7 bilion menjelang tahun 2020 (Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan, 2011).

Bagi merealisasikan sasaran yang diletakkan kerajaan ini, sektor kandungan telah diberi keutamaan di dalam Projek Permulaan (EPP). Keutamaan ini dilihat sebagai betapa pentingnya sektor pembangunan industri kreatif menjadi salah satu agen mengtransformasikan Malaysia menjadi sumber bagi kandungan digital. Dengan adanya hab ini, sektor kandungan industri kreatif tidak perlu bergantung kepada kandungan luar dan boleh menumpukan perhatian kepada pembangunan sektor kandungan dalaman sahaja.

Walau bagaimanapun amalan dan strategi semasa yang diamalkan oleh pengamal industri penyiaran di negara ini merupakan faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum merealisasikan impian beralih kepada penyiaran televisyen. Ketidakseimbangan dasar dan polisi kerajaan melahirkan usahawan berkredibiliti tinggi di dalam industri kreatif juga seakan-akan masih samar, tidak seiring dengan matlamat dan tujuan kerajaan untuk melihat industri kreatif sebagai salah satu sektor yang mampu memacu ekonomi negara menjelang 2020. Amalan dan strategi ini termasuklah cabaran serta halangan yang berlaku pada kitaran ekonomi di dalam industri. Kesediaan pemain-pemain dalam industri menerima ledakan teknologi digital ini turut akan dikenal pasti di akhir kajian ini. Kemunculan media-media baru yang lahir dari inovasi lembaran jalur lebar juga antara faktor yang dipertimbangkan oleh penyelidik di akhir kajian ini nanti. Oleh itu kajian ini akan memfokuskan kepada inovasi media baru yang mempengaruhi syarikat penerbitan tempatan dalam menghadapi era penyiaran televisyen digital.

Menurut akhbar Utusan Malaysia (9 Disember 2009), terdapat sebilangan dari kira-kira 400 orang penerbit aktif yang berdaftar dibawah Persatuan Penerbit Program TV Malaysia (PTVM) banyak menerbitkan program-program tv untuk stesen televisyen kerajaan iaitu RTM dan selebihnya mengisi kekosongan slot di bawah saluran televisyen swasta. Kewujudan syarikat-syarikat penerbitan di bawah naungan stesen televisyen seperti Primework Studio Sdn Bhd, Alt Media Sdn bhd, sedikit sebanyak memberi saingan kepada syarikat penerbitan tempatan lain untuk merebut jumlah jam siaran yang sedia terhad melalui slot saluran yang ditawarkan oleh stesen televisyen. Ini tidak termasuk kandungan dari luar negara yang disiarkan oleh stesen televisyen tempatan, sedikit sebanyak cabaran kandungan dari luar ini memberi sedikit tamparan kepada syarikat produksi tempatan memasarkan kandungan terbitan mereka. Oleh itu, soal kandungan siaran yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat penerbitan tempatan ini merupakan faktor yang diberi keutamaan oleh stesen televisyen.

1.2 Pernyataan Masalah

Apabila wujud inovasi media baru di dalam sesebuah komuniti pastinya akan wujud cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh komuniti itu. Dalam konteks kajian ini penyelidik akan mengupas beberapa masalah yang bakal dihadapi oleh pemain-pemain pasaran apabila wujudnya tekanan dari kemunculan inovasi media baru terhadap penerbitan rancangan televisyen seperti yang melanda industri televisyen negara-negara lain.

Apabila penyiaran televisyen digital melanda negara-negara Eropah dan negara-negara utama dunia, antara isu yang timbul adalah amalan-amalan yang biasa berlaku di dalam industri penyiaran tersebut. Keperluan media baru ini mengkehendaki stesen televisyen mengtransformasikan peralatan-peralatan yang digunapakai sebelum ini kepada

perkakasan digital. Apabila ini berlaku antara permasalahan utama yang bakal dihadapi adalah dari segi kos transformasi. Kos transformasi ini bukan sahaja melibatkan stesen televisyen, tetapi ia juga melibatkan syarikat-syarikat produksi yang membekalkan kandungan kepada stesen televisyen.

Menurut US General Accounting, stesen penyiaran di US telah membelanjakan 65 peratus dari pendapatan tahunan untuk menaiktaraf peralatan kepada penyiaran televisyen digital (Castaneda, 2007). Kebanyakan syarikat-syarikat produksi terutama mereka yang terlibat dalam pasaran kecil di dalam industri menyatakan bahawa kos yang tinggi merupakan salah satu sebab mengapa mereka lambat beralih kepada penyiaran televisyen digital. Di Malaysia, syarikat penerbitan tempatan tidak terlepas dari masalah ini. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan pasaran industri penyiaran yang kecil ini, syarikat penerbitan tempatan memerlukan belanja yang besar untuk mempersiapkan diri dalam menghadapi ledakan dunia penyiaran televisyen digital. Inovasi terhadap peralatan produksi seperti kamera HDTV, peralatan pasca produksi, sistem bunyi, dan peralatan teknologi kesan khas merupakan antara prasarana yang perlu dipertimbangkan oleh syarikat penerbitan tempatan dalam menghadapi dunia penyiaran televisyen digital.

Selain itu, ciri-ciri interaktif yang terdapat pada media baru ini telah menyebabkan televisyen bukanlah antara pembekal utama kandungan kepada masyarakat. Semuanya terletak di hujung jari apabila segala kandungan boleh dilayari di laman internet mahupun secara mudah alih. Wujudnya inovasi *convergence* juga memperlihatkan kebanyakan pengiklan beralih kepada media baru yang lebih murah. Jika sebelum ini televisyen merupakan medium paling efektif untuk menyiarkan iklan kini kebanyakan pengiklan mempunyai lebih banyak pilihan. Kesannya sudah tentu berlaku kepada syarikat penerbitan tempatan yang terpaksa merombak kembali strategi dan amalan yang dilakukan sebelum ini.

Selain itu, inovasi teknologi penyiaran digital juga memperlihatkan isu hak milik telah menjadi permasalahan yang melanda kebanyakan negara-negara utama dunia. Kekaburan dasar berkenaan isu hak milik ini masih lagi diperdebatkan oleh pemain-pemain pasaran di negara ini. Pertelingkahan antara pembekal kandungan dan penyiar dilihat masih lagi buntu sedangkan negara sudah mula mencongak-congak untuk beralih ke era penyiaran digital. Melalui *tagline* sesiapa sahaja boleh menjadi penerbit melalui digital telah menyebabkan kebanyakan kandungan dimanipulasi oleh individu tertentu dalam mencari keuntungan secara tidak langsung. Ini bukan sahaja merugikan syarikat-syarikat penerbitan malah merugikan stesen televisyen swasta khususnya yang meraih pendapatan melalui pengiklanan. Ini juga antara cabaran dan permasalahan yang dihadapi menjelang era penyiaran televisyen digital ini.

Cabaran lain yang dihadapi ialah saingan dari penerbit luar negara. Amerika Syarikat yang telah mempelopori dunia penyiaran digital sejak tahun 1990-an tidak mempunyai sebarang masalah untuk menyahut cabaran dunia penyiaran TV digital di Malaysia. Program-program seperti dokumentari, telemovie dan filem banyak telah dihasilkan dengan menggunakan teknologi Televisyen Definisi Tinggi atau HDTV. Televisyen swasta tempatan seperti ASTRO dan syarikat konglomerat di bawah naungan Media Prima Berhad banyak menyiarkan program-program dari luar negara sebagai satu langkah mempelbagaikan rangkaian rancangan untuk sajian khalayak. Tidak terkecuali kandungan yang disiarkan oleh media baru seperti IPTV juga mendapatkan bekalan kandungan dari BBC, Channel News Asia, Euronews, Luxe.TV dan lain-lain. Oleh itu, mampukah kandungan yang diterbitkan oleh syarikat penerbitan tempatan menyaingi kualiti kandungan rancangan yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat luar negara sedangkan program-program yang dihasilkan itu melibatkan perbelanjaan besar dan lebih berteknologi tinggi.

Lambakan saluran-saluran televisyen yang memfokuskan kepada sasaran pasaran yang lebih kecil telah memberi tekanan kepada syarikat penerbitan tempatan. Apabila wujud lambakan saluran televisyen, sudah tentu setiap saluran memerlukan kandungan yang mencukupi untuk disiarkan kepada penonton. Kos penerbitan dan pembelian kandungan yang memerlukan modal menyebabkan kebanyakan saluran televisyen di Eropah mengulang siaran yang telah disiarkan kepada penonton. Ini juga berlaku terhadap ASTRO yang mana kebanyakan kandungan yang disiarkan diulang siaran bagi memastikan setiap slot rancangan dipenuhi. Isu yang timbul adalah adakah jumlah bayaran yang dibayar kepada syarikat penerbitan tempatan berbaloi dengan jumlah siaran yang disiarkan di televisyen kelak. Isu 'pembayaran' antara cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh syarikat penerbitan tempatan masa kini.

Di saat televisyen digital melanda, siaran televisyen tidak lagi akan terarah kepada televisyen semata-mata. Ini kerana melalui media baru banyak lagi medium-medium lain yang boleh digunakan oleh penyiar bagi menyiarkan kandungan mereka. Permasalahan yang wujud di sini ialah adakah penerbit rancangan televisyen sedar akan penjana pendapatan melalui medium-medium baru yang wujud ini. Adakah mereka masih lagi bergantung terhadap stesen televisyen sebagai mata pencarian untuk terus kekal di dalam industri. Proses adaptasi penerbit-penerbit terhadap inovasi teknologi media baru ini merupakan permasalahan yang boleh dijadikan bahan kajian di sepanjang kajian ini dijalankan.

Peralihan dari sistem analog kepada sistem digital juga memerlukan penerbitan rancangan televisyen di Malaysia bersedia dari segi kepakaran untuk menggerakkan dunia penyiaran digital. Melalui tenaga kerja yang terlatih dalam bidang penyiaran digital ini kandungan yang bakal dihasilkan akan lebih berteknologi tinggi dan memenuhi kehendak khalayak seiring dengan peredaran zaman masa kini. Kemajuan

yang terlalu pantas dalam penyiaran televisyen sedangkan penyertaan ahli-ahli masyarakat dalam proses pembangunan bidang itu perlahan, maka berlakulah ketempangan yang merangkumi aspek latihan dan pendidikan dalam pembangunan industri penyiaran televisyen di negara ini.

Persoalan yang ingin diwujudkan di sini adalah; Apakah ciri-ciri yang mempengaruhi syarikat penerbitan tempatan terhadap penerimaan inovasi media baru? Apakah strategi dan amalan stesen tv di Malaysia dalam menghadapi cabaran inovasi media baru? Adakah syarikat produksi tempatan di Malaysia bersedia dalam menghadapi cabaran inovasi media baru? Persoalan-persoalan ini adalah fokus utama yang akan diberikan perhatian terperinci di dalam kajian ini. Melalui persoalan-persoalan ini juga kita akan mengenalpasti cabaran penerbitan rancangan televisyen di Malaysia dalam mengaplikasikan media baru.

1.3 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan-persoalan kajian dan cabaran penerbitan rancangan televisyen di Malaysia dalam mengaplikasikan media baru.

- 1.3.1 Apakah ciri-ciri yang mempengaruhi syarikat penerbitan tempatan terhadap penerimaan inovasi media baru?
- 1.3.2 Apakah strategi dan amalan stesen tv di Malaysia dalam menghadapi cabaran inovasi media baru?
- 1.3.3 Adakah syarikat produksi tempatan di Malaysia bersedia dalam menghadapi cabaran inovasi media baru?

1.4 Objektif Kajian

Kajian memerlukan objektif. Tanpa objektif, sesuatu kajian itu tidak mempunyai matlamat dan hasil yang akan diperolehi selepas kajian dijalankan akan menjadi tidak efektif. Melalui objektif juga, penyelidik akan memperolehi hasil kajian yang dikehendaki dan boleh digunakan oleh penyelidik-penyelidik yang lain. Penetapan objektif kajian boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu objektif khusus dan juga objektif umum.

1.4.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengenalpasti cabaran penerbitan rancangan televisyen di Malaysia dalam mengaplikasikan media baru.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah untuk menjawab persoalan atau permasalahan yang wujud dalam mengenalpasti cabaran penerbitan rancangan televisyen di Malaysia dalam mengaplikasikan media baru. Antara objektif khusus kajian ini ialah:

- (i) Menenalpasti ciri-ciri yang mempengaruhi syarikat penerbitan tempatan terhadap penerimaan inovasi media baru.
- (ii) Menenalpasti strategi dan amalan stesen tv di Malaysia dalam menghadapi cabaran inovasi media baru.
- (iii) Menenalpasti persediaan syarikat produksi di Malaysia dalam menghadapi cabaran inovasi media baru.

1.5 Kepentingan Kajian

1.5.1 Praktikal

